



www.maipk.gov.my



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

EDARAN PERCUMA

WADAH

Edisi 3 2026 | Bilangan 61

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



Mukasurat 3



Mukasurat 6



Mukasurat 7



Mukasurat 3
42,006 ASNAF TERIMA BANTUAN HARI RAYA AIDILFITRI MAIPK BERJUMLAH RM12.6 JUTA

Mukasurat 6
PERSIDANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAJLIS) KALI KE-235

Mukasurat 7
MAIPK SANTUNI ASNAF ZON UTARA, SALUR BANTUAN ZAKAT

Sidang Redaksi

PENASIHAT

Syamsul Hazeman bin Md Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

KETUA EDITOR

Munawir bin Mohamed Noh
Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat & Adat Melayu

EDITOR

Norhidayu binti Sakdon
Pengurus Unit Komunikasi Strategik

Mohd Yakop bin Ikram
Penolong Pengurus Unit Komunikasi Strategik

JURUFOTO

Hamizul bin Othman
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Nurul Farzana binti Ahmad Shah
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Amirul Khalid bin Ahmad
Pembantu Tadbir Unit Sekretariat

EDARAN

Unit Komunikasi Strategik

Edisi 3 | 2026 | Bil. 61

Wadah

DITERBITKAN OLEH:

Unit Komunikasi Strategik
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak,
Tingkat 6, Kompleks Islam Darul Ridzuan,
30000 Ipoh, Perak.
Tel: 05-208 4000 Faks: 05-241 4257

Laman web: www.maipk.gov.my
<https://wakafperak.gov.my/>

Emel: korporat@maipk.gov.my

Facebook: Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Instagram : ZakatPerak_Official

Tiktok : MajlisAgamaIslamPerak

Isi Kandungan

Sidang Redaksi	2
Semasa	3 - 14
Keratan Akhbar	15
Agihan Zakat Fakir & Miskin	16



42,006 ASNAF TERIMA BANTUAN HARI RAYA AIDILFITRI MAIPK BERJUMLAH RM12.6 JUTA



IPOH, 6 Mac 2025 - Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, berkenan menyampaikan bantuan Hari Raya Aidilfitri Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) bagi tahun 1447H/2026M, sempena majlis sambutan Nuzul Al-Quran peringkat negeri Perak di Masjid An-Nur, Universiti Teknologi Petronas, Seri Iskandar.

Pada majlis itu, dana zakat berjumlah RM12,601,800.00 telah diserahkan kepada penghulu mukim dari 12 daerah mewakili 42,006 orang penerima terdiri daripada asnaf fakir, miskin, muallaf di seluruh negeri Perak. Penerima bantuan Hari Raya Aidilfitri dipilih daripada senarai asnaf fakir dan miskin yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Zakat Fitrah Masjid dan Surau Diri Jumaat di negeri Perak.

Selain itu, bantuan ini turut dipanjangkan kepada semua penerima bantuan kewangan bulanan dan bantuan hemodialisis asnaf fakir dan miskin turut menerima bantuan Hari Raya Aidilfitri di bawah dana zakat MAIPK.



MAJLIS BERBUKA PUASA SERTA PENYERAHAN ZAKAT BERJUMLAH RM5.67 JUTA



KUALA KANGSAR, 12 Mac 2026 - =Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan menerima bayaran zakat berjumlah RM5,673,589.57 dalam Majlis Berbuka Puasa bersama Pegawai-Pegawai Agama dan Imam Masjid Negeri Perak yang berlangsung di Istana Iskandariah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar.

Bayaran zakat tersebut diterima daripada lapan syarikat korporat dan tiga individu kepada Zakat Perak Al-Ridzuan (ZAPAR) di bawah Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk), sebagai tanda komitmen berterusan dalam menunaikan kewajipan zakat serta memperkasa kebajikan ummah di Negeri Perak.

Dalam majlis berkenaan, baginda turut berkenan menyerahkan zakat kepada YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini, Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk).

Majlis penyerahan zakat ini mencerminkan kepercayaan dan sokongan berterusan pelbagai pihak terhadap institusi zakat di Negeri Perak, sekali gus memperkukuh usaha MAIPk dalam memastikan hasil zakat diagihkan secara telus, berkesan dan memberi impak besar kepada golongan asnaf.

Melalui pengurusan zakat yang sistematik dan berimpak, MAIPk terus komited memperkasa kesejahteraan ummah serta menyokong agenda pembangunan sosioekonomi masyarakat Islam di Negeri Perak.



PERSIDANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK (MAJLIS) KALI KE-235 BILANGAN 1/2026



IPOH, 13 Mac 2026 - Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAJLIS) Kali Ke-235 Bilangan 1/2026 yang berlangsung pada 13 Mac 2026 telah dipengerusikan oleh Yang Dipertua MAIPK, Tan Sri Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini.

Hadir sama, YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak; YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri; YB Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin, Penasihat Undang-Undang Negeri Perak; YB Dato' Mohd Zaki bin Mahyudin, Pegawai Kewangan Negeri Perak; YBhg. SS Dato' Haji Zamri bin Hashim, Timbalan Mufti Negeri Perak; serta Anggota MAJLIS yang dilantik bagi penggal 2026–2027.

Persidangan memaklumkan bahawa Zakat Perak Al Ridzuan (ZAPAR) merekodkan kutipan zakat sebanyak RM272.07 juta bagi tahun 2025, meningkat berbanding RM252.12 juta pada tahun 2024.

Melalui dana zakat tersebut, MAIPK telah menyalurkan pelbagai bantuan kepada golongan asnaf termasuk Bantuan Kewangan Bulanan kepada 14,576 penerima, bantuan Hemodialisis berjumlah RM16.44 juta, bantuan perubatan RM7.18 juta, serta Bantuan Bina Rumah berjumlah RM7.53 juta kepada 88 penerima. Selain itu, bantuan pendidikan sebanyak RM27.28 juta telah memberi manfaat kepada 41,905 pelajar di Negeri Perak.

Dalam usaha memperkukuh penyampaian bantuan zakat, MAIPK turut memperkenalkan inisiatif pelantikan Amil Agihan yang akan dimulakan secara projek rintis selama enam bulan melibatkan 22 orang amil di seluruh Negeri Perak.

Persidangan ini turut dimaklumkan mengenai pelantikan baharu Anggota Jawatankuasa Kariah dan Jawatankuasa Pentadbiran Masjid serta Surau Diri Jumaat Negeri Perak bagi sesi 2026–2029 yang akan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2026 hingga 30 Jun 2029.



MAIPK SANTUNI ASNAF ZON UTARA, SALUR BANTUAN ZAKAT LEBIH RM160 RIBU

PARIT BUNTAR, 5 Mac 2026 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) meneruskan komitmen menyantuni golongan asnaf menerusi Program Ziarah Asnaf Zon Utara melibatkan cawangan Parit Buntar dan Bagan Serai. Program Ziarah Asnaf Zon Utara pada kali ini menziarahi lima buah kediaman penerima bantuan yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md Salleh. Turut hadir bersama menyantuni ialah Ketua Pegawai Operasi MAIPK, Wan Maizura binti Wan Zahari, Pengurus Besar MAIPK Zon Utara, Mohd. Saufi bin Ibrahim serta pegawai-pegawai MAIPK cawangan dan ibu pejabat.

Ziarah pertama dan kedua di Tanjung Piandang iaitu penerima Bantuan Perubatan, Cik Nurul Salina binti Ikhsan, 28, yang merupakan orang kurang upaya fizikal sejak lahir akibat Cerebral Palsy. MAIPK telah menyalurkan bantuan berjumlah RM4,128 bagi meringankan kos rawatan yang ditanggung.

Ziarah kedua pula adik Nur Irdeena Naura binti Muhammad Iqbal, 6, yang menghidap penyakit hydrocephalus iaitu lebihan air dalam kepala. Adik Nur Irdeena telah menerima bantuan Ghorimin sebanyak RM3,450 dan bantuan kerusi roda khas bernilai RM3,650 daripada MAIPK bagi membantu keperluan rawatan.

Seterusnya, MAIPK menziarahi Encik Abdul Aziz bin Ali, 58, di Kuala Kurau yang tidak bekerja dan menghidap penyakit gout. Beliau menerima Bantuan Bina Rumah berjumlah RM69,000 bagi membolehkan sebuah kediaman baharu yang dibina demi keselesaan dan keselamatan hidupnya.

Di Bagan Serai, MAIPK menyantuni adik Muhammad Mikail Rafanza bin Mohd Rizal, 4, yang menghidap Right Proximal Femoral Focal Deficiency serta komplikasi paruparu, buah pinggang dan jantung. MAIPK telah memberi Bantuan Perubatan sebanyak RM4,339 dan tambahan RM10,000 bagi menampung kos pembedahan yang diperlukan.

Ziarah terakhir di Selinsing iaitu Puan Mek Chik binti Sidek, 78, seorang balu yang tidak bekerja. Beliau menerima Bantuan Bina Rumah MAIPK berjumlah RM74,800 bagi pembinaan kediaman baharu yang lebih selesa.

MAIPK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para muzakki yang sentiasa bersama-sama menyokong MAIPK. Dana zakat anda amatlah dihargai dalam menjaga kebajikan asnaf serta memperkukuh kesejahteraan ummah Islam di negeri Perak.



YANG DIPERTUA MAIPK MENGADAKAN KUNJUNGAN DAN SOLAT JUMAAT MASJID AL MUHAJIRIN, CHEPOR

IPOH, 6 Mac 2026 - Yang Dipertua, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk), YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini telah menunaikan solat Jumaat bersama para jemaah di Masjid Al Muhajirin Chepor.

Seusai solat, YABhg. Tan Sri turut meluangkan masa beramah mesra dan bertukar pandangan bersama barisan Jawatankuasa Masjid Al Muhajirin dalam suasana penuh ukhuwah dan kemesraan.



MASJID MUHAMMADIAH, TASEK



IPOH, 20 Mac 2026 - Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk), YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini telah menunaikan solat Jumaat serta mengadakan kunjungan di Masjid Muhammadiyah, Tasek. Kunjungan ini memperkukuh hubungan antara MAIPk dan pihak pengurusan masjid selain mendekati komuniti kariah. Semoga fungsi masjid dapat terus diperkasa sebagai pusat ibadah, pendidikan, kesihatan dan kebajikan yang memberi manfaat menyeluruh kepada masyarakat. Hal ini diungkapkan semasa titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah,

"Masjid hendaklah keluar daripada kepompong pemikiran jumud dan lapuk, ditransformasikan menjadi pusat kecemerlangan ummah, yang tidak lagi berimej sekadar tempat menunaikan solat dan mengadakan pengajian yang terbatas kepada subjek agama. Masjid sebaiknya hendaklah aktif menggalas peranan pendidikan, pengembangan pelbagai ilmu duniawi dan ukhrawi, kaunseling keluarga, aktiviti remaja, pembangunan sosial dan ekonomi serta berperanan sebagai pusat memupuk adab, jati diri dan perpaduan masyarakat.."

Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan semasa Majlis Pengurniaan Watikah Yang Dipertua dan Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, Hakim Mahkamah Syariah Perak dan Majlis Perundingan Masjid serta Penyerahan Zakat Pemiagaan dan Pendapatan pada 27 Jamadil Akhir 1447H / 18 Disember 2025, di Royal Perak Golf Club, Ipoh.



MAIPK ANJUR PROGRAM TAUTAN RAMADAN : MEMBINA INTEGRITI DAN JIWA IHSAN

IPOH, 11 Mac 2026 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah menganjurkan Program Tautan Ramadan : Membina Integriti dan Jiwa Ihsan di surau dan dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan.

Program sebelah pagi dimulakan dengan sesi tafsir dan tadabbur al-Quran yang disampaikan oleh Pengurus Besar MAIPK Zon Barat, AF Ustaz Mohd Latif bin Talib. Program diteruskan dengan tazkirah Ramadan bertajuk "Ramadan: Mencari Lailatul Qadar - Persediaan Rohani" yang disampaikan oleh Ustaz Hairul Nizam bin Mat Husin, Sheikh Ruwaq Jawi Kaherah.

Sesi petang diteruskan dengan slot khas eksekutif yang disampaikan oleh Pengurus Besar Bahagian Hal Ehwal Korporat MAIPK, Encik Rohizan bin Haji Omar. Majlis kemudiannya diteruskan dengan bacaan tahlil dan doa, sebelum diakhiri dengan majlis berbuka puasa serta menunaikan solat Maghrib secara berjemaah.

Semoga penganjuran program ini dapat terus memperkukuh ukhuwah dalam kalangan warga kerja MAIPK serta menyemai semangat Ramadan yang berteraskan integriti dan tanggungjawab dalam melaksanakan amanah kepada umat Islam di negeri Perak.



MAIPK TERIMA KUNJUNGAN HORMAT

MALAYSIA PROFESSIONAL ACCOUNTANCY CENTRE

IPOH, 4 Mac 2026 - Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK), Syamsul Hazeman bin Md Salleh, telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi MyPAC yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysia Professional Accountancy Centre (MyPAC), Datuk Zaiton binti Mohd Hassan.

Kunjungan ini bertujuan membincangkan perkembangan serta prestasi pelajar asnaf di samping memperkukuh hubungan kerjasama strategik antara MAIPK dan MyPAC dalam usaha memperkasa pembangunan pendidikan anak-anak asnaf.



DIGITAL PERAK CORPORATION HOLDINGS



IPOH, 4 Mac 2026 - Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK), Syamsul Hazeman bin Md Salleh, telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Digital Perak Corporation Holdings yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Mohamad Suhaimi bin Mohamad Tahir.

Kunjungan ini bertujuan mengadakan sesi perbincangan bagi mempromosi produk makanan tambahan sekolah untuk pelajar asnaf di Negeri Perak, di samping meneroka potensi kerjasama strategik antara MAIPK dan Digital Perak dalam memperkasa inisiatif pembangunan sosial serta kesejahteraan golongan asnaf.

ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA NEGERI PERAK

IPOH, 6 Mac 2026 - Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK), Syamsul Hazeman bin Md Salleh, telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Perak.

Delegasi ABIM Negeri Perak yang diketuai oleh Yang Dipertua ABIM Negeri Perak, Muhammad Ukasyah bin Azhari, hadir bagi meneroka ruang jalinan kerjasama strategik antara ABIM dan MAIPK dalam pelbagai potensi inisiatif yang bersesuaian, khususnya dalam usaha memperkasa agenda pembangunan ummah di Negeri Perak.



WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

**DUGAAN
MENJELANG SYAWAL**

TAIPIG, 11 Mac 2026 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) Zon Utara telah menziarahi serta menyampaikan bantuan kecemasan tunai segera kepada mangsa kebakaran di Kampung Salak Baru, Trong pada hari ini. Pemilik rumah, Mohamad Hafiz bin Mustapa, memaklumkan kejadian kebakaran yang berlaku sekitar jam 1.00 pagi telah memusnahkan kira-kira 60% daripada struktur rumah serta harta benda miliknya.

Bantuan tersebut telah disampaikan oleh Pengurus Besar MAIPk Zon Utara, Mohd. Saufi bin Ibrahim, sebagai usaha meringankan beban yang ditanggung mangsa. Permohonan bantuan bina rumah seterusnya akan diproses tertakluk kepada kriteria serta syarat yang ditetapkan oleh MAIPk. MAIPk kekal komited dalam membantu golongan yang terjejas serta memerlukan, khususnya dalam memastikan kebajikan asnaf terus terbela.

**MAIPk TERIMA SUMBANGAN
WAKAF TANAH MASJID
KAMPUNG PULAU BESAR,
KAMPUNG GAJAH**

KAMPUNG GAJAH, 26 Mac 2026 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) menerima sumbangan wakaf tanah daripada Puan Che Mee binti Lan Ahmad yang telah mewakafkan tanah miliknya di Lot 6363, Kampung Pulau Besar, Pasir Panjang, Hulu Kampung Gajah untuk dijadikan tapak masjid kampung tersebut.

Pengurus MAIPk Cawangan Kampung Gajah, Muhamad Amir Amirul bin Ismail telah menyampaikan penghargaan kepada Puan Che Mee atas kemurahan hati beliau dalam menyumbangkan tanah tersebut demi masyarakat setempat. Sumbangan wakaf ini merupakan amal jariah yang bukan sahaja memberi manfaat berterusan kepada masyarakat, malah menjadi pelaburan akhirat yang berkekalan buat pewakaf.

MAIPk amat mengalu-alukan lebih ramai pihak untuk turut serta dalam amalan wakaf sebagai salah satu medium kebajikan yang mampu memperkukuh pembangunan ummah di negeri Perak.



MAIPK SALUR BANTUAN PERUBATAN, SANTUNI ASNAF DI GERIK

GERIK, 11 Mac 2026 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) melalui Cawangan Gerik terus komited dalam usaha menjaga kebajikan golongan asnaf apabila menyalurkan Bantuan Perubatan kepada penerima yang memerlukan di daerah ini. Pengurus MAIPK Cawangan Gerik, Shamsul Anuar bin Zakaria menyantuni dan menyampaikan bantuan yang disalurkan.

Antara penerima bantuan ialah Muhammad Haryzan bin Ahmad Khadri dari Kampung Bandariang, menerima bantuan susu khas dan mesin penyedut kahak berjumlah RM 5,640.00. Seterusnya Mohamad Pouad bin Suliman dari Felda Bersia menerima bantuan lampin pakai buang berjumlah RM2,236.00 serta Mohd Rezman bin Ahmad dari Kampung Padang Stang turut menerima bantuan lampin pakai buang sebanyak RM2,064.00.

Selain itu, Fatimah binti Ngah Ahmad dari Kampung Padang Jong menerima bantuan lampin pakai buang dan susu khas berjumlah RM7,644.45. Sementara itu, Aliah binti Awang Tengah dari Kampung Pahit Tengah turut menerima bantuan lampin pakai buang sebanyak RM2,400.00.

Akhir sekali, Wan Muhammad Muqri bin Wan Othman dari Kampung Kerunai menerima beberapa bentuk bantuan yang merangkumi katil pesakit, tilam angin, kerusi roda, lampin pakai buang, susu khas serta bantuan kecemasan segera sebanyak RM3,000.00 dengan jumlah keseluruhan RM8,484.00.

Penyaluran bantuan ini diharap dapat membantu memenuhi keperluan perubatan penerima selain meningkatkan kualiti hidup mereka yang terkesan dengan masalah kesihatan berpanjangan. Inisiatif ini juga mencerminkan komitmen berterusan MAIPK dalam memastikan kebajikan golongan asnaf terus diberi perhatian, khususnya dalam aspek kesihatan.



MAIPK MANJUNG KOMITED SALURKAN BANTUAN PERUBATAN



Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) Cawangan Manjung telah menyalurkan bantuan perubatan kepada lima penerima di sekitar daerah Manjung dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM30,484.00.

Bantuan yang disalurkan merangkumi pelbagai keperluan perubatan asas seperti lampin pakai buang, susu khas, katil pesakit serta kerusi roda, bagi memastikan keperluan kesihatan penerima dapat dipenuhi dengan lebih baik.

Penyerahan bantuan tersebut telah disempurnakan oleh Pengurus MAIPK Cawangan Manjung, Encik Muhammad Zulzakwan bin Mohammed Khalani kepada para penerima yang memerlukan.

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan MAIPK dalam membantu golongan yang memerlukan, khususnya dalam aspek kesihatan dan kebajikan. MAIPK berharap agar bantuan yang disalurkan ini dapat meringankan beban kewangan para penerima, di samping menyokong kesejahteraan serta meningkatkan kualiti hidup mereka.



MAIPK PRIHATIN NASIB MANGSA KEBAKARAN DI GERIK



GERIK, 27 Mac 2026 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) turun padang menyantuni sepuluh (10) mangsa sekeluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran di No. 44, Kampung Jong, Gerik, Perak. Kesemua mangsa sempat menyelamatkan diri, namun tinggal sehelai sepinggang apabila kediaman mereka musnah dijilat api.

Mangsa kini menumpang di rumah saudara sementara menunggu pembinaan semula rumah. Antara keperluan mendesak ialah toto, selimut, bantal, tilam, lampin pakai buang serta makanan bayi termasuk bagi bayi berusia tujuh (7) hari.

Pengurus MAIPK Cawangan Gerik, Shamsul Anuar bin Zakaria turut hadir menyantuni mangsa. MAIPK menyeru agar semangat kebersamaan dan keprihatinan terus dipupuk dalam membantu golongan yang ditimpa musibah.





اڳيهن زڪاة

اصناف فقير دان ميسكين

اڳيهن زڪاة ڪڍڻ اصناف فقير دان ميسكين
مرغڪومي بنتوان ڪواغن، ڪفرلوان اساس
سرتا سوڪوغن برتروسن باڳي ممستين
مريڪ ممفو ڪلوار درقد ڪفو مڦوڻ ڪميسڪينن

منيڻڪت
30.1%

اڳيهن 2025

RM 149,047,128.65

اڳيهن 2024

RM 114,555,310.48

www.maipk.gov.my/



05-208 4000



@Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

